



DASAR CUKAI PERKHIDMATAN BIL 1/2022

**PENGECUALIAN CUKAI PERKHIDMATAN KE ATAS PERKHIDMATAN
PEMBAYARAN DIGITAL YANG DISEDIKAN OLEH SYARIKAT PENYEDIA
BUKAN BANK TEMPATAN (*LOCAL NON-BANK PROVIDERS*)**

1. Berkuatkuasa mulai 1 Januari 2020, perkhidmatan digital yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan tempatan adalah tertakluk kepada kenaaan cukai perkhidmatan selaras dengan item (l), Kumpulan G, Jadual Pertama Peraturan-peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 yang dahulunya di bawah item (h), Kumpulan G, Jadual Pertama Peraturan-peraturan Cukai Perkhidmatan 2018.
2. Menteri Kewangan telah menetapkan penerima perkhidmatan pembayaran digital yang disediakan oleh penyedia bukan bank tempatan (*local non-bank service providers*) diberi pengecualian daripada membayar cukai perkhidmatan berdasarkan seksyen 34(3)(a) Akta Cukai Perkhidmatan 2018.
3. Selaras dengan pengecualian tersebut, penyedia perkhidmatan pembayaran digital tempatan yang bukan bank (*local non-bank service providers*) seperti berikut dikecualikan daripada mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan pembayaran digital berdasarkan seksyen 34(4) Akta Cukai Perkhidmatan 2018:
 - a. *Local non-bank payment instrument issuers;*
 - b. *Local non-bank merchant acquirers; dan*
 - c. *Local non-bank payment system operator;*
4. Kelulusan pengecualian di para 2 dan 3 adalah berkuat kuasa mulai 1 Ogos 2022 sehingga 31 Julai 2025.
5. Mana-mana penyedia perkhidmatan pembayaran digital tempatan di para 3 yang layak adalah seperti berikut;
 - a. merupakan orang berdaftar di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018;
 - b. dikawal selia dan dilesenkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758] atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [Akta 759]; dan
 - c. menyediakan perkhidmatan pembayaran digital di Malaysia.
6. Pengecualian di atas adalah tidak terpakai kepada:
 - a. Perkhidmatan pembayaran digital yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan asing kepada pengguna di Malaysia;

- b. Perkhidmatan digital selain daripada perkhidmatan pembayaran digital yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan digital tempatan bukan bank yang disenaraikan di para 3 di atas.

4. **Layanan/Pelarasan dalam tempoh peralihan** adalah seperti berikut:

- a. Mana-mana cukai perkhidmatan yang telah dikutip dari pelanggan bermula 1 September 2018 sehingga 31 Julai 2022 mesti diremit kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia berdasarkan seksyen 26 Akta Cukai Perkhidmatan 2018.
- b. **Tiada tuntutan bayaran balik (*refund*)** cukai perkhidmatan dibenarkan kepada mana-mana orang yang telah membayar cukai perkhidmatan sebelum 31 Julai 2022.
- c. Jika cukai perkhidmatan yang dikenakan telah diakaunkan atas asas invoice, walaupun bayaran belum diterima ke atas perkhidmatan yang diberikan pada atau selepas 1 Ogos 2022, orang berdaftar hendaklah mengeluarkan nota kredit kepada pelanggan di bawah peraturan 11(1) Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 dan membuat pelarasan di bawah peraturan 11(2) Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018.
- d. Jika perkhidmatan diberikan bagi tempoh sebelum 1 Ogos 2022 dan berterusan melangkaui 1 Ogos 2022, orang berdaftar hendaklah mengenakan cukai, mengakaun dan membayar cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan yang diberikan sebelum 1 Ogos 2022 sahaja.

BAHAGIAN CUKAI DALAM NEGERI
IBU PEJABAT KASTAM DIRAJA MALAYSIA, PUTRAJAYA